



# **PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA**

30hb. Jun – 1hb. Julai 1973

# **dasar kerajaan**

**BIRO EKONOMI UMNO  
KUALA LUMPUR**

**KERTAS KERJA  
KEDUA**



## DASAR KERAJAAN

### TANAH

#### (i) KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH - Konsep dan Kejayaan.

Mutalalamat yang dibentangkan di dalam Rancangan Malaysia II di bidang ini adalah kemajuan tanah yang berjumlah satu juta ekar, yang akan mengguna tenaga daripada sebanyak 125,000 orang.

Nama	1971	1972	1973	1974	1975	Jumlah
1. FELDA	47,729	73,044	60,000	60,000	60,000	300,000
2. FELCRA	7,678	23,278	30,000	20,000	20,000	100,000
3. RISDA	-	-	18,000	39,000	44,000	150,000
4. Kerajaan Negeri	89,697	75,322	84,227	76,741	41,956	822,582
5. SWASTA	43,113	26,215	45,362	15,000	9,000	310,281
<b>JUMLAH</b>	<b>188,217</b>	<b>197,859</b>	<b>237,589</b>	<b>210,741</b>	<b>174,956</b>	<b>1,682,863</b>

#### Kemajuan

Kemajuan yang telah dicapai adalah seperti berikut:-

Nama	1971	1972	Jumlah	%
1. FELDA	47,729	73,044	120,773	40.2
2. FELCRA	7,678	23,278	30,956	30.9
3. RISDA	-	-	-	0.
4. Kerajaan Negeri	89,697	75,322	165,019	48.9
5. SWASTA	43,113	26,215	69,328	40.1
<b>Jumlah</b>	<b>188,217</b>	<b>197,859</b>	<b>386,076</b>	<b>36.4</b>

Daripada angka-angka ini kita boleh mempercayai bahawa mutalalamat untuk lima tahun ini boleh dicapai.

Sebagai agensi kemajuan tanah Kerajaan yang terbesar, maka FELDA telah diberi tanggungjawab yang berat di bawah rancangan Malaysia II, iaitu kemajuan seluas 300,000 ekar lebih, menempatkan sebanyak 24,000 keluarga dan di samping itu mendatangkan peluang-peluang pekerjaan sebanyak 35,000.

#### Kemajuan Tanah

Kejayaan di segi pembukaan dan kemajuan tanah adalah seperti

...2/-

PUSTAKA PERDANA



1006941

berikut :-

<u>Tahun</u>	<u>Keluasan dirancang</u>	<u>Keluasan yang dimaju</u>	<u>%</u>
1971	47,729	47,729 )	35.1
2	73,044	73,044 )	
973	101,800		
	60,000		
75	60,700		

FELCRA

Pembukaan Tanah

Lembaga ini telah ditugaskan untuk membuka tiga jenis rancangan tanah seperti berikut:-

(a) Pemulihan	16,000 ekar
(b) Pinggir	40,000 ekar
(c) Belia	60,000 ekar
	<hr/>
Jumlah	116,000 ekar
	-----

Kejayaan yang telah dicapai dalam masa tiga tahun (1971-1973) ialah seperti berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>Pemulihan (ekar)</u>	<u>Pinggir (ekar)</u>	<u>Belia (ekar)</u>	<u>Jumlah (ekar)</u>
1971	2,429	5,249	-	7,678
1972	4,974	8,804	8,500	23,278
1973	700	14,406	7,319	22,425
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	8,103	28,459	15,819	53,381
	-----	-----	-----	-----

Dari angka-angka di atas bermaknalah FELCRA telah berjaya memulih/memajukan sebanyak 53,381 ekar iaitu 46% daripada angka matlamat. Adalah diharapkan matlamat ini akan dapat dicapai sebelum akhir tahun 1975.

Pemberian Kerja-kerja Borong Kepada Bumiputra.

Seperti Jabatan-Jabatan dan Agensi-Ajensi Kerajaan yang lain jua adalah menjadi dasar Lembaga ini untuk menggalakkan kaum Bumiputra dalam kerja-kerja borongan. Jenis kerja yang dijalankan oleh Lembaga ini ialah memajukan tanah rancangan dari penempatan hutan sehingga bertanam, menjaga kawasan tanaman, menyediakan semaian dan membenakan rumah-rumah kakitangan dan pejabat di kawasan rancangan.

Bilangan kerja borongan dan jumlah nilainya yang telah diberi oleh Lembaga ini dalam tahun 1971, 1972 dan 1973 adalah seperti berikut:-

	1971			1972			1973		
	Bil.	Nilai	%	Bil.	Nilai	%	Bil.	Nilai	%
Bumiputra/ Nikad Bersama	5	102,600.00	3.97	13	3,055,586.82	33.02	4	886,926.25	12.23
Bukan Bumiputra	13	2,485,113.63	96.03	24	6,198,641.96	66.98	32	6,366,476.66	87.77
Jumlah	18	2,587,713.63	100	37	9,254,228.78	100	36	7,253,402.91	100

Penebusan Tanah Orang-Orang Melayu Yang Tergadai.

Satu daripada tugas-tugas baharu yang diberi kepada Lembaga ini ialah memberi pertolongan kepada orang-orang Melayu untuk menebuskan balik tanahnya (hanya dalam Kawasan Melayu atau Malay Reservation) yang telah tergadai kepada orang-orang bukan Melayu. Pada hari ini bilangan permohonan yang telah diterima oleh Lembaga ini adalah seperti berikut:-

Bilangan permohonan yang diterima	..	172
Bilangan menunggu perbicaraan di Mahkamah	.	4
Bilangan yang telah selesai dengan cara diberi pinjaman	..	3
Bilangan yang tidak boleh di ambil apa-apa tindakan	..	45
Bilangan dalam penyiasatan	..	120

Perlu diterangkan disini iaitu 45 permohonan yang tidak boleh di ambil tindakan setelah disiasat adalah didapati tanah yang terlibat itu bukan dalam Kawasan Melayu atau orang-orang yang bukan Melayu tidak terlibat dalam hal gadaian itu.

MASA HADAPAN.

Untuk masa hadapan faktor-faktor yang patut ditinjau dengan mendalam ialah mengenai konsep rancangan yang berkait dengan konsep "memberi hak milik" dan konsep "memberi pendapatan yang memuaskan". Dengan lebih jelas, perkara yang hendak ditinjau ialah :-

Adakah rakyat memerlukan hak milik kepada sesuatu bidang tanah atau adakah ia memerlukan pendapatan setimpal dengan tenaga yang dikeluarkannya.

Disekeliling faktor ini akan bergantung konsep-konsep kemajuan tanah, iaitu :-

- (a) Felda: Yang menjamin hak milik kepada 10½ ekar tanah (lebih kurang) tetapi memerlukan disiplin yang ketat;
- (b) Ladang Awam: Yang cuma menjamin pendapatan yang sesuai dengan tenaga yang dikeluarkan tetapi membuka peluang untuk memiliki syer dalam ladang tersebut.

Belia-belia yang juga memerlukan rancangan-rancangan tanah dengan konsep yang tersendiri, iaitu suatu rancangan:-

- (a) yang mempunyai daya penarik yang kuat yang membawa mereka memilih pertanian sebagai bidang aktiviti mereka yang utama atau tunggal;
- (b) yang mempunyai segala faktor yang boleh menjamin kehidupan mereka di masa dewasa.

Konsep rancangan belia yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri mendapat perhatian daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan juga Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dan sepertimana konsep rancangan-rancangan yang lain, akan berubah mengikut tingkatan kemajuan negara dan rakyat.

(ii) Matlamat Dan Kejayaan RISDA dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)

RISDA menjalankan dua tugas utama:

1. Menjalankan tanaman baharu berkelompok sejumlah 150,000 ekar bagi lima tahun. 50,000 ekar akan dimajukan untuk getah dan 100,000 ekar untuk kelapa sawit. Matlamat pembukaan tanah baharu telah disusun seperti berikut:-

1972	..	..	..	20,000	ekar
1973	..	..	..	30,000	"
1974	..	..	..	50,000	"
1975	..	..	..	50,000	"
Jumlah				150,000	ekar

Pada tahun 1971, tidak ada rancangan yang dapat dimulakan oleh kerana RISDA tidak dapat memiliki tanah Kerajaan.

2. Menggalak pekebun kecil menanam semula dan menanam baharu getah-getah tua mereka dengan kelon-kelon baharu ataupun lain-lain jenis tanaman. Matlamat tiap-tiap tahun ialah 120,000 ekar ataupun sejumlah 600,000 ekar bagi lima tahun.

Kejayaan Menanam Baharu Berkelompok.

Hingga tahun 1972, kawasan-kawasan seperti tersebut dapat dimajukan :-

Kelapa Sawit	seluas	5,000	ekar	di	Mersing,	Johor
Getah	"	4,000	"	di	Ulu Trengganu,	Trengganu
Getah	"	5,000	"	di	Bruas,	Perak.
Jumlah				14,000	ekar	

Kekurangan.

Kekurangan yang didapati bagi tahun 1972 ialah seluas 6,000 ekar dan ini menunjukkan kejayaan cuma 70%.

Tahun 1973.

Kekurangan seluas 6,000 ekar di dalam tahun 1972, akan dicukupkan pada awal tahun 1973 dan kawasan-kawasan seperti tersebut di bawah akan dimajukan dengan segera:-

N. Sembilan, Jelebu	..	2,120 ekar	
N. Sembilan, Bahau	..	1,760 "	
	Jumlah	<u>3,880 ekar</u>	=====

Hingga ini, sukatan kasar telah dijalankan dan kawasan sedang ditawarkan kepada pemborong-pemborong. Penutupan tawaran yalah pada 14hb. Mach, 1973, Kawasan ini akan dimajukan bagi tanaman getah.

Kejayaan Menanam Semula (Lihat Daftar 1)

Daftar 1: Luas Kawasan (ekar) ditanam semula bagi semua negeri mengikut tanaman

Tanaman	Tahun	1971	1972
Getah		57,469	54,081
Kelapa Sawit		8,732	8,968
Kelapa		1,788	4,200
Padi		4,649	2,447
Buah-buahan		2,213	5,980
Nenas		384	1,097
Kopi		220	554
Sagu Rembia		362	1,073
Cengkih		108	77
Pala		22	19
Jumlah		75,947	78,496
Kejayaan (% drp. matlamat)		63.0%	65.4%

PENGANGKUTAN

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERUSAHAAN PENGANGKUTAN.

NEGERI	LORI-LORI				TEKSI/KERETASEWA		PERKHIDMATAN BAS	
	"A"	"A" TERHAD	"B"	"C"	JUMLAH	MELAYU	MELAYU	MARA
JOHOR	102	-	61	220	383	587	6	1
MELAKA	28	-	17	56	101	289	1	1
N. SEMBILAN	41	1	16	108	166	270	3	1
SELANGOR	232	20	12	291	555	786	3	1
PERAK	55	5	37	183	280	645	8	1
P. PINANG	47	6	30	147	230	143	1	1
KEDAH/PERLIS	91	1	54	552	698	403	5	1
PAHANG	59	-	37	174	270	188	5	1
TRENGGANU	64	15	43	247	369	205	3	1
KELANTAN	122	1	98	320	541	313	1	-
JUMLAH	841	49	405	2298	3593	3829	36	9